



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA SEPTEMBER 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian tumbuh sederhana, meningkat 2.3 peratus pada September 2024

PUTRAJAYA, 8 NOVEMBER 2024 – Indeks Pengeluaran Perindustrian tumbuh sederhana, meningkat 2.3 peratus pada September 2024. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, September 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP, yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) tumbuh sederhana, meningkat sebanyak 2.3 peratus tahun ke tahun pada September 2024, selepas mencatatkan pertumbuhan 4.1 peratus pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan output dalam sektor Pembuatan merupakan penyumbang utama, dengan peningkatan sebanyak 3.2 peratus (Ogos 2024: 6.5%) ditambah dengan sektor Elektrik yang meningkat sebanyak 3.9 peratus (Ogos 2024: 4.2%). Sementara itu, pengeluaran sektor Perlombongan terus mengalami penurunan untuk bulan ketiga berturut-turut, merekodkan negatif 2.2 peratus (Ogos 2024: -6.4%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP menurun sebanyak 0.7 peratus berbanding 1.7 peratus yang direkodkan pada Ogos 2024."

Kenaikan dalam sektor Pembuatan pada September 2024 didorong terutamanya oleh perkembangan dalam industri berorientasikan eksport pada 3.4 peratus, lebih perlahan berbanding 6.3 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Peningkatan pengeluaran ini sebahagian besarnya disokong oleh pertumbuhan stabil sebanyak 8.6 peratus dalam Pembuatan produk getah (Ogos 2024: 11.1%), diikuti dengan Pembuatan komputer, produk

elektronik & optikal yang meningkat sebanyak 5.9 peratus (Ogos 2024: 8.7%). Berasaskan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport menurun sebanyak 1.6 peratus, setelah mencatatkan 3.0 peratus pada Ogos 2024.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik meningkat sebanyak 2.7 peratus berbanding 7.1 peratus pada Ogos 2024. Pertumbuhan yang lebih perlahan ini disebabkan oleh penurunan sebanyak 14.9 peratus dalam Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi-treler (Ogos 2024: 7.7%), serta penyederhanaan dalam Pembuatan produk prosesan makanan yang meningkat 3.5 peratus (Ogos 2024: 4.4%). Tambahan lagi, terdapat peningkatan dalam pengeluaran pembuatan yang berkaitan dengan aktiviti pembinaan, khususnya dalam Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (9.9%), yang membantu meredakan kesan keseluruhan. Jika dibandingkan dengan Ogos 2024, industri berorientasikan domestik meningkat perlahan sebanyak 0.1 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Pengeluaran dalam sektor Perlombongan menyusut 2.2 peratus pada September 2024 (Ogos 2024: -6.4%). Penurunan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat, yang terus merosot kepada 11.4 peratus (Ogos 2024: -5.7%), diimbangi oleh pertumbuhan pengeluaran Gas Asli yang pulih kepada 4.5 peratus (Ogos 2024: -7.0%) pada bulan tersebut. Sementara itu, penjanaan Elektrik meningkat 3.9 peratus tahun ke tahun bagi September 2024 (Ogos 2024: 4.2%). Berbanding Ogos 2024, indeks Perlombongan meningkat 2.8 peratus manakala indeks Elektrik menurun sebanyak 3.8 peratus."

Melihat prestasi beberapa negara, IPI mencatat pertumbuhan positif di China, Singapura, Vietnam, dan Taiwan. Sebaliknya, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Thailand dan Jepun mengalami penurunan dalam IPI pada September 2024.

Merumuskan kenyataan beliau, Ketua Perangkawan berkata, "Bagi suku tahun ketiga 2024, IPI meningkat sebanyak 3.9 peratus berbanding 4.5 peratus yang dicatatkan pada suku tahun kedua 2024. Peningkatan ini didorong oleh sektor Pembuatan dengan pertumbuhan 5.8 peratus, terus meningkat daripada 4.9 peratus pada suku tahun kedua 2024. Selain itu, IPI bagi sektor Perlombongan merosot sebanyak 4.6 peratus (ST2 2024: 2.4%), manakala sektor Elektrik mencatat pertumbuhan sebanyak 5.1 peratus (ST2 2024: 5.3%). Dalam perbandingan suku ke suku, IPI meningkat sebanyak 3.7 peratus."


Sementara itu, bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini (Januari – September 2024), IPP bertambah baik sebanyak 3.9 peratus (Januari – September 2023: 0.7%) dengan

kesemua sektor mencatatkan peningkatan, iaitu indeks Perlombongan (1.4%); indeks Pembuatan (4.3%); dan indeks Elektrik (6.4%).”


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
September 2023 - September 2024**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
September 2023 - September 2024**




**Carta 3: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
ST2 2023 – ST3 2024**




**Carta 4: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Ogos 2024 dan September 2024**




Carta 5: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, September 2023 - September 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Ogos 2024 dan September 2024



Carta 7: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Ogos 2024 dan September 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
8 NOVEMBER 2024



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA SEPTEMBER 2024

The Industrial Production Index grew modestly, increasing by 2.3 per cent in September 2024

PUTRAJAYA, 8TH NOVEMBER 2024 – The Industrial Production Index grew modestly, increasing by 2.3 per cent year-on-year in September 2024. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, September 2024**. The publication presents IPI statistics, covering three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The Industrial Production Index (IPI) grew modestly, increased 2.3 per cent year-on-year in September 2024, following a growth of 4.1 per cent in the preceding month. The output growth in the Manufacturing led the way, rising by 3.2 per cent (August 2024: 6.5%) coupled with the Electricity sector which rose by 3.9 per cent (August 2024: 4.2%). Meanwhile, the production of the Mining sector continued to decline for third consecutive month, recording negative 2.2 per cent (August 2024: -6.4%). In comparison to the previous month, the IPI fell by 0.7 per cent compared to 1.7 per cent recorded in September 2024.”

The rise in output of the Manufacturing sector in September 2024 was primarily driven by expansion in export-oriented industries at 3.4 per cent, slower than 6.3 per cent recorded in the preceding month. The expansion of production was mainly supported by the steady growth of 8.6 per cent in the Manufacture of rubber product (August 2024: 11.1%); followed by the Manufacture of computer, electronics and optical products which increased by 5.9 per cent (August 2024: 8.7%). On a month-on-month basis, the export-oriented industries dropped by 1.6 per cent, after registered 3.0 per cent in August 2024.

In the meantime, the domestic-oriented industries grew by 2.7 per cent as against 7.1 per cent recorded in August 2024. The slower growth was primarily due to 14.9 per cent decline in the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers (August 2024: 7.7%) along with the moderation in the Manufacture of food processing products which grew by 3.5 per cent (August 2024: 4.4%). Additionally, there was an increase in the production of manufacturing output related to construction activities namely the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (9.9%), helping to cushion the impact. In comparison with August 2024, the domestic-oriented industries increased marginally by 0.1 per cent.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "The output in the Mining sector shrank by 2.2 per cent in September 2024 (August 2024: -6.4%). The decline was primarily influenced by Crude Oil & Condensate production, declined further to 11.4 per cent (August 2024: -5.7%), offset by rebound in Natural Gas production which grew by 4.5 per cent (August 2024: -7.0%) during the month. Meanwhile, the generation of Electricity grew by 3.9 per cent year-on-year in September 2024 (August 2024: 4.2%). Compared to August 2024, the Mining index rose by 2.8 per cent while the Electricity index dropped by 3.8 per cent."

Looking at the performance of several countries, the IPI was positive growth in China, Singapore, Vietnam, and Taiwan. Conversely, the United States, South Korea, Thailand and Japan experienced a decline in IPI in September 2024.


Concluding his statement, the Chief Statistician said, "For the third quarter of 2024, the IPI increased by 3.9 per cent as against 4.5 per cent recorded in the second quarter of 2024. The uptick was driven by the Manufacturing sector at 5.8 per cent growth, advancing further from 4.9 per cent in the second quarter of 2024. Furthermore, the IPI for Mining sectors declined by 4.6 per cent (Q2 2024: 2.4%) while, the Electricity sector posted a growth of 5.1 per cent (Q2 2024: 5.3%). On a quarter-on quarter comparison, the IPI turned upward by 3.7 per cent.

Meanwhile, throughout the first nine months this year (January – September 2024), the IPI improved by 3.9 per cent (January – September 2023: 0.7%) with all sectors posting an expansion, namely the Mining index (1.4%); Manufacturing index (4.3%); and Electricity index (6.4%)."


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.


**Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia,
September 2023 – September 2024**



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
September 2023 – September 2024**



**Chart 3: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
Q2 2023 – Q2 2024**



**Chart 4: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia,
August 2024 and September 2024**




Chart 5: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, September 2023 – September 2024






Chart 6: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia, August 2024 and September 2024



**Chart 7: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
August 2024 and September 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8th NOVEMBER 2024**